

kerana selain membantu menghidupkan ruh bulan al-Qur'an, ia juga membuka peluang kepada para penonton dan pendengar untuk memperbetulkan bacaan mereka di bawah bimbingan pengendali program berkenaan. Program-program seperti itu malangnya tidak terdapat di sesetengah negara Islam yang lain.

⁶³ Salah satu ni'mat Allah s.w.t. yang amat besar untuk manusia adalah angin. Selain daripada ia sendiri merupakan ni'mat, ia juga membawa ni'mat-ni'mat yang lain. Tanpa angin, udara atau oksigen, sudah tentu kita tidak akan dapat meneruskan kehidupan ini lagi. Berapa banyak benih tumbuh-tumbuhan yang dipindahkan dari satu kawasan kepada satu kawasan yang lain dengan perantaraan angin. Ia juga membawa awan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Tidak terhitung banyaknya kebaikan dan peranan angin dalam memenuhi keperluan kehidupan manusia dan lain-lain hidupan di bumi ini. Cukuplah firman Allah s.w.t. di bawah ini dijadikan sebagai bukti tentang kebaikannya:

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا يَتَذَكَّرُ فِيهَا مَنَاسِكُ اللَّهِ يُؤْمِنُ بِهِ وَأَنذَرُ لِمَن يَكْفُرْ ۚ

كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ تُجْرِجُ أَلْمَوْتِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۚ

Bermaksud: dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatNya (hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakannya ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan di daerah itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya). (al-A' raaf:57). Pun begitu, bukan dalam semua keadaan angin membawa rahmat dan ni'mat. Justeru ada masa dan ketikanya keadaan kesihatan seseorang tidak mengizinkan tubuhnya terdedah kepada hembusan angin. Malah dalam keadaan-keadaan yang tertentu, angin juga boleh mengamuk dan membawa bencana. Kerahmatan yang dibawa oleh Baginda s.a.w adalah suatu kebaikan untuk semua keadaan dan untuk semua lapisan masyarakat, tanpa mengira apa darjat dan kasta mereka. Bukan setakat itu sahaja, kerahmatan yang dibawa oleh Baginda turut dikecapi oleh makhluk-makhluk lain di alam haiwan dan tumbuhan. Jika larangan Baginda terhadap perbuatan menggantas daun-daun di Tanah Haram direnung dan dihayati, nescaya perbuatan menggondolkan bukit-bukau dengan sewenang-wenangnya tidak akan mudah berlaku. Begitu juga larangan-larangan Baginda terhadap perbuatan-perbuatan menyiksa ternakan, menjadikan binatang sebagai sasaran panahan atau tembakan sama ada untuk latihan atau permainan. Malah jika terpaksa membunuh haiwan sekalipun kita diajar agar tetap tidak mengabaikan adab-adab yang dianjurkan syariat. Dan jika hikmah penyembelihan haiwan direnungi, nescaya kita akan dapati ajaran Islamlah satu-satunya ajaran yang menganjurkan belas kasihan yang tidak hanya dipraktikkan di kalangan sesama insan, bahkan juga di alam flora dan fauna. Benarlah firman Allah s.w.t.:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ۚ

Bermaksud: dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (al-Anbiyaa':107). Walaupun pada pandangan mata kasar kita, penyembelihan adalah suatu bentuk penyeksaan dan penganiayaan, tetapi sebenarnya penyembelihan merupakan satu-satunya cara pematian yang paling tidak menyakitkan. Kenyataan ini jelas telah dibuktikan oleh kajian sains yang mendapati perasaan sakit tidak akan dirasai oleh

manusia dan haiwan tanpa penafsiran otak terlebih dahulu. Dan cara yang paling berkesan untuk menghalang isyarat sakit tersebut daripada sampai ke otak adalah dengan memotong urat saraf yang berperanan sebagai penyampai ma'lumat berkenaan terlebih dahulu. Itulah sebabnya kita dapati orang yang koma, pengsan, dikawal oleh kesan ubat pelali, terlalu khayal dan sebagainya, tidak akan menunjukkan tindak balas terhadap rasa sakit. Berasaskan hikmah itulah anda akan dapati di dalam hukum syariat Islam, hukuman bunuh menurut sesetengah 'ulama' hanya boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah memancung kepala sahaja. Kaedah pelaksanaan hukuman mati dengan cara ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri melalui sabda Baginda: **لَا قَوْلَ إِلَّا بِالسَّيْفِ** Bermaksud: Tiada hukuman bunuh balas kecuali dengan pedang (pancung)." Hikmah hukuman tersebut tidak terhenti di situ sahaja, di samping ianya mengurangkan penyeksaan kepada pesalah yang menjalaninya, ianya juga menimbulkan kegerunan yang boleh meninggalkan impak sangat mendalam di dalam jiwa masyarakat, terutamanya kepada orang-orang yang hadir menyaksikannya dengan mata kepala mereka sendiri. Dengan itu, apa saja kesalahan yang boleh mengheret kepada hukuman sedemikian akan menjadi satu 'momokan' yang melekat di dalam jiwa masyarakat untuk suatu jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun hikmah ini hanya akan berkesan sepenuhnya jika proses pelaksanaannya dipertontonkan secara terbuka dan langsung kepada masyarakat. Sama ada ia dilaksanakan di tempat-tempat awam atau disiarkan di media-media yang lain. Kemurahan dan kerahmatan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. bukan sahaja dikecapi oleh haiwan, tumbuh-tumbuhan dan orang-orang Islam sahaja, ia bahkan merata dan menyeluruh sehingga kepada orang-orang kafir sekalipun. Hal ini telah digambarkan oleh al-Qur'an yang menceritakan bagaimana keadaan orang-orang kafir pada masa itu. Mereka berdoa supaya orang-orang Islam datang menyerang negara mereka. Dengan itu akan terselamatlah mereka daripada cengkaman pemerintah yang zalim. Allah berfirman:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Bermaksud: mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah baik laki-laki, wanita-wanita mahupun anak-anak yang semuanya berdoa: "Ya Tuhan Kami, keluarkanlah kami dari negeri ini (Mekah) yang zalim penduduknya dan berilah kepada kami pelindung dari sisiMu, dan berilah kepada kami penolong dari sisiMu!". (an-Nisaa':75). Ini kerana mereka mendapati negeri-negeri di bawah pemerintahan Islam menjalankan pemerintahan secara adil dan saksama. Sedangkan mereka ditindas dengan pelbagai tekanan seperti pengutipan cukai yang terlalu tinggi, hukuman yang tidak setimpal dan adil di antara darjat dan kedudukan dan sebagainya. Dalam erti kata yang lain hidup di bawah pemerintahan tersebut bagaikan menjadi seorang hamba kepada pemerintah. Dengan sebab yang demikianlah perkembangan Islam menjadi amat pesat, kerana orang-orang kafir sedar bahawa Islam tidak hanya datang membawa satu sistem pemerintahan yang adil dan saksama, malah Islam juga adalah sebuah agama penyelamat dan terbuka. Orang-orang kafir tidak pernah dipaksa menukarkan agama mereka dan sebagainya. Kenyataan ini merupakan faktor utama kepada kejayaan Islam dalam menumbangkan sebuah demi sebuah kerajaan yang zalim di zaman kegemilangannya. Rakyat-rakyat dan penduduk-penduduk di negara-negara kafir pada ketika itu pada sebenarnya mengalu-alukan kedatangan Islam. Sejarah telah menjadi saksi dan kemudiannya mendedahkan bahawa

٧- حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ الْحَكَمُ بْنُ نَافِعٍ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُثْمَةَ بْنِ مَسْعُودٍ

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ أَبَا سُوْفْيَانَ بْنَ حَرْبٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ هِرْقُلَ أُرْسِلَ إِلَيْهِ فِي رَكْبٍ مِنْ قُرَيْشٍ وَكَانُوا تَجَارًا بِالشَّامِ فِي

ada di antara kerajaan-kerajaan pada masa itu terpaksa merantai kaki-kaki perajurit mereka yang enggan berperang dengan orang-orang Islam. Peperangan tersebut dipanggil ذات السلاسل yang bermaksud 'Peperangan Rantai'. **Kesesuaian Maksud Hadits dan Tajuknya.** Walaupun sekali lagi kita dapati secara sepintas lalu maksud hadits yang dikemukakan kali ini juga tidak selari dengan tajuk yang diletakkan. Tetapi sebagaimana telah kita bincangkan dahulu bahawa sudut kesesuaian yang dimaksudkan oleh Imam Bukhari boleh merangkumi beberapa aspek seperti *Makaniyyah, Zamaniyyah, Haliyyah, kaifiyyah, Muha Ilaihi* (keadaan orang yang menerima wahyu) dan sebagainya. Justeru sudut kesesuaian atau perkaitan yang ingin dikemukakan oleh beliau di dalam hadits yang ke lima ini ialah perkaitannya dengan waktu mula-mula wahyu diturunkan, iaitu pada bulan Ramadhan al-Mubaarak. Dan oleh kerana ingin meraikan bulan turunnya al-Quran itu, Jibril a.s. telah turun pada setiap malamnya untuk bertadaarus dengan Nabi s.a.w. Namun sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa tujuan Imam Bukhari meletakkan hadits ini di sini bukanlah untuk mengaitkannya dengan permulaan wahyu, sebaliknya beliau ingin membuktikan kebesaran wahyu yang turunnya daripada Allah Yang Maha Agung, melalui perantraan Jibril yang disifatkan sebagai:

ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ ۝ مُطَاعٌ ثَمَّ أَمِينٌ ۝

Bermaksud: yang mempunyai kekuatan, yang mempunyai kedudukan Tinggi di sisi Allah yang mempunyai 'Arasy, (20) yang ditaati di sana (di alam malaikat) lagi dipercayai. (21). (at-Takwir:20-21). Turunnya pula adalah kepada seorang nabi yang mempunyai sifat sangat pemurah. **Antara pengajaran, pedoman dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keelokan bermurah hati, khususnya di bulan Ramadhan. Lebih-lebih lagi apabila bertemu orang-orang saleh. (2) Untuk mendapat kelebihan dan keutamaan, orang-orang saleh hendaklah diziarahi dan didampingi sentiasa. (3) Nabi s.a.w. adalah seorang yang sangat pemurah. Sifat pemurah Baginda bertambah-tambah lagi di bulan Ramadhan. (4) Al-Qur'an hendaklah dibaca dengan lebih kerap dan lebih banyak di bulan Ramadhan. Bulan Ramadhan selain bulan untuk berpuasa fardhu, ia juga seharusnya dijadikan bulan membaca al-Qur'an. (5) Bertadaarus al-Qur'an di bulan Ramadhan adalah sunnah Rasulullah s.a.w. (6) Jibril sentiasa datang kepada Rasulullah s.a.w. terutamanya di bulan Ramadhan. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan melainkan untuk memperkemaskan bacaan al-Qur'an Rasulullah s.a.w., memantapkan ingatan Baginda tentang tertib ayat-ayatnya dan menimbulkan suasana pemahaman dan penghayatan ma'na-ma'nanya yang tersirat. (7) Membaca al-Qur'an lebih afdhal daripada bertasbih, bertahlil dan mengamalkan zikir-zikir yang lain. Sekiranya ada zikir lain lebih afdhal daripada membaca al-Qur'an atau menyamainya, tentulah Jibril dan Nabi s.a.w. sentiasa melakukannya atau paling tidak pun mereka melakukannya pada ketika-ketika tertentu. Kerana mereka selalu bertemu, terutamanya di bulan Ramadhan.